



KENYATAAN MEDIA

NORMAL BAHARU MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR: BICARA SECARA DALAM TALIAN

SHAH ALAM, 10 Jun 2020

Mahkamah Rendah Syariah Petaling Selangor berjaya menjalankan perbicaraan secara dalam talian bagi kes tuntutan cerai dengan talaq yang melibatkan kehadiran Plaintif dan peguam Syariannya, Zuri Zabuddin Budiman secara fizikal di Mahkamah dan kehadiran Defendan yang berada Amerika Syarikat secara dalam talian melalui sidang video yang diadakan semalam.

Perbicaraan yang dilaksanakan secara dalam talian itu adalah atas permohonan Plaintif dan Defendan serta dengan kebenaran Hakim Tuan Ali Najmi Mohd Noordin. Perbicaraan yang dikendalikan dalam dwi bahasa Inggeris dan Melayu ini telah berjaya memudahkan penyelesaian kes di Mahkamah Syariah Selangor dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (BKP). Ia juga berjaya memendekkan tempoh penyelesaian kes tersebut dan menjimatkan kos pihak-pihak yang terlibat.

Perbicaraan dalam talian melalui kemudahan sidang video yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) itu adalah salah satu daripada normal baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) bagi membantu kerajaan membendung wabak COVID-19 yang sedang melanda negara. Normal ini dilaksanakan secara ketat dan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang telah berjaya dibangunkan oleh JAKESS pada minggu pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

SOP ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Operasi Mahkamah Syariah seluruh Malaysia yang dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang bertanggung jawab untuk menyelaraskan operasi Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. SOP ini telah dipersetujui untuk digunapakai sebagai panduan pengendalian kes melalui sidang video di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia dengan ubah suai mengikut prasarana di negeri-negeri.

Terdahulu, beberapa “pilot case” melibatkan kes cerai dan kes sulh juga telah berjaya dilaksanakan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor bagi menguji keberkesanan SOP yang telah dibangunkan oleh JAKESS. “Pilot case” pertama iaitu kes cerai telah diadakan di Mahkamah Rendah Syariah Sepang pada 17 April 2020, manakala, kes sulh diadakan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 21 Mei 2020.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor